

21 SEP 1998

Zahid-ISA

ZAHID DAN EMPAT PEMIMPIN ABIM DITAHAN MENGIKUT ISA

KUALA LUMPUR, 21 Sept (Bernama) -- Ketua Pergerakan Pemuda Umno Datuk Ahmad Zahid Hamidi dan empat pemimpin Angkatan Belia Islam Malaysia (Abim) ditahan hari ini mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA).

Zahid ditahan polis di Kota Kinabalu, Sabah, pagi ini, kata Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Datuk Yaacob Md Amin hari ini.

Yaacob berkata empat pemimpin Abim itu -- Presiden Ahmad Azam Abdul Rahman, Timbalan Presiden Mukhtar Redhuan, Setiausaha Agung Shaharuddin Badaruddin dan Naib Presiden Abdul Halim Ismail -- ditangkap di ibu pejabat Abim di sini.

Semuanya ditahan mengikut Seksyen 73 (1) (a) ISA kerana mendatangkan kemudaratan kepada keselamatan negara.

Yaacob berkata mereka dikenal pasti sebagai orang suruhan bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim untuk melakukan angkara yang boleh menjejaskan ketenteraman awam.

Anwar sendiri ditangkap polis di rumahnya di Bukit Bamansara di sini malam tadi dan polis menyatakan kemudian bahawa beliau juga ditahan mengikut seksyen yang sama dalam ISA.

Penahanan Anwar dilakukan beberapa jam selepas beliau berucap pada perhimpunan ribuan penyokongnya di Masjid Negara dalam satu lagi tindakan membantah pemecatannya pada 2 Sept lepas setelah dibabitkan dalam dakwaan perbuatan salahlaku seks.

Mereka yang menyertai perhimpunan itu kemudian berarak, tanpa Anwar, ke Sri Perdana, kediaman rasmi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di Jalan Damansara. Satu rusuhan tercetus, menyebabkan polis terpaksa melepaskan pancutan air dan gas pemedih mata.

Sejak pemecatannya, Anwar telah mengadakan perhimpunan bantahan seumpama itu, kebanyakannya tanpa permit polis, di beberapa tempat di seluruh negara untuk menafikan dakwaan itu yang, katanya, hasil konspirasi untuk menamatkan kerjaya politiknya.

Mengenai penangkapan yang dilakukan hari ini, Yaacob berkata: "Kami sedang menyiasat peranan mereka dalam kekacauan yang meletus di Kuala Lumpur semalam."

"Lebih banyak tangkapan dijangka dilakukan tidak lama lagi," kata Yaacob.

Semalam seorang lagi penyokong kuat Anwar, Ruslan Kassim, Ketua Pemuda Umno Negeri Sembilan, juga ditangkap mengikut ISA.

Yaacob berkata penangkapan Anwar mengikut ISA tidak bermakna yang polis akan memberhentikan penyiasatan mengenai dakwaan salahlaku seks terhadap Anwar yang terkandung dalam buku "50 Dalil Kenapa Anwar Tidak Boleh Jadi PM."

"Siasatan akan diteruskan. Kami mungkin kenakan tuduhan terhadap Anwar pada masa yang sesuai," katanya.

Ditanya tentang kemungkinan isteri Anwar, Datin Seri Dr Wan Azizah Ismail, juga ditangkap ekoran tindakannya turut muncul pada perhimpunan penyokong Anwar, Yaacob berkata jika terdapat alasan yang munasabah untuk menangkapnya, polis akan melakukannya.

"Jika tidak ada alasan, mengapa pula harus kami menangkannya. Ia bergantung kepada keadaan," kata beliau.

-- BERNAMA

MAM NMO